



**TEKS UCAPAN ALUAN**  
**YBRS. DR. ABDUL RAHIM BIN HARUN,**  
**KETUA PENGARAH AGENSI NUKLEAR MALAYSIA,**  
**KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI**  
**(MOSTI)**

**MAJLIS PERASMIAN**  
**HARI INOVASI & KREATIVITI NUKLEAR MALASYIA 2022**

**13 SEPTEMBER 2022**

**DEWAN TUN DR ISMAIL**  
**AGENSI NUKLEAR MALAYSIA**

Bismillahirrahmanirrahim,

## **SALUTASI**

1. **YBhg. Datuk Ts. Dr. Mohd Nor Azman Bin Hassan,  
Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan  
Teknologi),  
Kementerian Sains, Teknologi Dan Inovasi (MOSTI)**
2. **YBrs. Dr. Rosli bin Darmawan  
Timbalan Ketua Pengarah  
Program Penyelidikan dan Pembangunan Teknologi  
Agensi Nuklear Malaysia;**
3. **Ketua-ketua Jabatan, Setiausaha-setiausaha  
Bahagian dan Pegawai-pegawai Kanan Kementerian;**
4. **Pengarah Kanan, Pengarah-pengarah Bahagian,  
warga penyelidik Nuklear Malaysia;**
2. **Penyelidik serta Pegawai daripada universiti dan  
agensi tempatan yang mengambil bahagian; dan**
3. **Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian.**

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh  
dan Salam Sejahtera,

1. Terlebih dahulu, bersyukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin-Nya pada hari yang bertuah ini kita semua diberi kesempatan untuk bertemu dan berhimpun di Majlis Perasmian Hari Inovasi & Kreativiti Nuklear Malaysia untuk tahun 2022.
2. Saya mewakili seluruh warga kerja Nuklear Malaysia ingin merakamkan setinggi penghargaan dan mengalu-alukan kehadiran YBhg. Datuk Ts. Dr. Mohd Nor Azman Bin Hassan, Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan Teknologi), MOSTI kerana sudi hadir menyempurnakan majlis perasmian pada pagi ini.
3. Saya juga mengalu-alukan kehadiran semua hadirin dan hadirat, dengan ucapan terima kasih, kerana sudi melapangkan masa Tuan-Puan berkunjung ke agensi ini sebagai tanda sokongan terhadap penganjuran HIKNM 2022.

4. Untuk makluman hadirin dan hadirat, pada tahun ini Nuklear Malaysia juga meraikan ulang tahun penubuhannya yang ke-50, setelah mula ditubuhkan pada tahun 1972. Berbagai program dan aktiviti menarik dirancang sebagai pengisian kepada sambutan Jubli Emas Agensi Nuklear Malaysia ini.

**Hadirin dan hadirat yang dihormati,**

5. Hari Inovasi dan Kreativiti Nuklear Malaysia, atau HIKNM, merupakan program tahunan anjuran Nuklear Malaysia sejak 20 tahun yang lalu. Penganjuran HIKNM kali yang ke-19 pada tahun ini lebih bermakna kerana menjadi salah satu daripada pengisian program sambutan Jubli Emas jabatan.
6. HIKNM ini merupakan inisiatif Nuklear Malaysia bagi merai dan mengiktiraf para saintis, penyelidik dan pereka cipta yang aktif dan cemerlang dalam Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) Sains, Teknologi, Inovasi (STI) untuk menyumbang kepada pembangunan negara.
7. Program ini juga memberi peluang kepada para penyelidik dan pereka cipta untuk memperlihatkan hasil

inovasi R&D dan kreativiti yang dilaksanakan kepada masyarakat awam, terutamanya golongan penyelidik, ahli sains dan akademik, golongan pelajar serta pemain-pemain industri tempatan.

8. Sepanjang dua hari program ini berlangsung, penyelidik dan pereka cipta yang mengambil bahagian akan mempertandingkan inovasi R&D dan usaha kreativiti yang mereka laksanakan dalam dua kategori pertandingan yang dinamakan sebagai ***Pertandingan Inovasi Penyelidikan*** dan ***Pertandingan Kreativiti Perkhidmatan***. Setiap penyertaan yang terbuka kepada warga kerja Nuklear Malaysia serta pihak universiti dan agensi tempatan ini akan dinilai oleh barisan juri profesional yang dilantik. Setiap pemenang akan menerima anugerah mengikut kategori yang ditetapkan.
9. Pelawat dan pengunjung yang hadir berpeluang melihat dan mempelajari secara terus mengenai setiap projek inovasi R&D dan usaha kreativiti yang bertanding serta berinteraksi secara bersemuka bersama kumpulan penyelidik dan pereka cipta melalui sesi lawatan ke ruang pameran yang disediakan.

## **Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,**

10. Selain daripada pertandingan ini, HIKNM 2022 juga dimeriahkan lagi dengan beberapa pengisian menarik lain seperti:

### **a. Pertandingan Video Pendek S&T Nuklear**

11. Pertandingan ini terbuka kepada pelajar-pelajar sekolah menengah untuk mempamerkan kreativiti dan pengetahuan mereka mengenai sains dan teknologi nuklear melalui penghasilan video pendek yang kreatif dan berinformasi.

12. Aktiviti ini secara tidak langsung mampu meningkatkan perhatian dan minat golongan pelajar terhadap sains dan teknologi, khususnya yang berkaitan teknologi nuklear, sebagai generasi pelapis memacu kemajuan negara.

### **b. Pameran Produk Inovasi R&D dan Lawatan ke Kemudahan Utama Nuklear Malaysia**

13. Melalui pameran ini, pengunjung berpeluang mengenali dan melihat pelbagai produk R&D Nuklear Malaysia, serta memperoleh maklumat langsung mengenai

perkhidmatan dan kepakaran S&T nuklear yang sedia ditawarkan kepada masyarakat dan pemain industri.

14. Pengunjung seterusnya berpeluang untuk melawat pelbagai kemudahan, pusat khidmat dan makmal-makmal R&D yang terdapat di Nuklear Malaysia, seperti Reaktor TRIGA PUSPATI (satu-satunya reaktor penyelidikan nuklear di Malaysia) dan Loji-loji Penyinaran Gama.

**c. Forum Antarabangsa & *Pocket Talks***

15. HIKNM 2022 ini akan dimeriahkan lagi dengan penganjuran forum antarabangsa dan sesi *Pocket Talks*, dimana beberapa panel pakar dan penceramah dari pelbagai bidang berkaitan, dari dalam dan luar negara, akan membentangkan pandangan mereka terhadap topik-topik yang dibincangkan.

**d. Sudut Sains *Nuclear Education Outreach* untuk Pelajar Sekolah**

16. Aktiviti sains yang interaktif, dikenali sebagai *Nuclear Education Outreach* (NEO), disediakan untuk golongan pelajar dimana aktiviti ini akan memberi fokus kepada

aspek *hands-on*, eksperimen, permainan, kuiz, mengumpul maklumat dan sebagainya berkaitan topik S&T nuklear dan sinaran. Aktiviti ini mampu menarik minat pelajar terhadap Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM).

17. Akhir kata, saya berharap program HIKNM 2022 ini akan berjaya mencapai objektif utama penganjurannya, disamping terus menyokong aspirasi Dasar Sains, Teknologi & Inovasi Negara dalam mewujudkan ekosistem sains, teknologi, inovasi dan ekonomi (STIE) yang kondusif.

**SEKIAN, WABILAHI TAUFIK WALHIDAYAH  
ASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLAHI  
WABARAKATUH DAN SALAM SEJAHTERA.**